

SULIT
3755/1
PERDAGANGAN
KERTAS 1
OKTOBER
2004
1 JAM 15 MINIT

3755/1

PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN TERENGGANU
DENGAN KERJASAMA
JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2004

TINGKATAN EMPAT

PERDAGANGAN

KERTAS 1

SATU JAM LIMA BELAS MINIT

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan

- 1. Kertas soalan ini mengandungi empat puluh soalan.*
- 2. Jawab semua soalan*

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak

3755/1

[Lihat sebelah
SULIT

SULIT

ARAHAN : Tiap-tiap soalan yang berikut diikuti dengan empat jawapan pilihan. Pilih satu jawapan yang terbaik bagi tiap-tiap soalan.

1. Berikut adalah kekurangan sistem barter.
 - I Sukar untuk mendapatkan kemahuan serentak
 - II Masalah membahagikan barang kepada unit yang kecil
 - III Kesukaran untuk menentukan kadar pertukaran asing
 - IV Tidak boleh mengangkat barang-barang besar dan haiwan ternakan
 - A I dan III
 - B I, II dan III
 - C II, III dan IV
 - D I, II, III dan IV

 2. Antara berikut yang manakah menerangkan proses pengeluaran langsung.
 - A Kegiatan manusia menghasilkan pelbagai barangan
 - B Kegiatan manusia menghasilkan barang untuk kegunaan sendiri
 - C Kegiatan manusia menambah nilai faedah terhadap suatu barang
 - D Kegiatan manusia memperkenalkan mata wang dalam bentuk pertukaran barang

 3. Bagaimanakah perniagaan boleh dikaitkan dengan proses pengeluaran ?
 - A Kedua-duanya menggunakan sumber semulajadi
 - B Kedua-duanya terlibat dalam pengkhususan kerja
 - C Kedua-duanya menggunakan bantuan dalam perniagaan
 - D Kedua-duanya terlibat dalam proses menghasilkan nilai faedah
- Amirul ingin membeli sebuah rumah teres.
Amira pula ingin membeli sebuah rumah banglo
4. Mengapakah kehendak Amirul dan Amira berbeza ?
 - A Taraf hidup mereka berbeza
 - B Keperluan asas mereka berbeza
 - C Keperluan fisiologi mereka berbeza
 - D Amira dan Amirul telah memenuhi keperluan asas

[Lihat sebelah
SULIT

5. Berikut adalah keperluan fisiologi manusia.

- I Air dan udara
- II Makanan dan rehat
- III Tempat tinggal dan pakaian
- IV Tempat tinggal dan makanan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV


- Pekerja P menjalankan kerja pemasangan
- Pekerja Q menyembur cat
- Pekerja R memeriksa perabot yang telah siap

6. Berdasarkan maklumat di atas, apakah jenis pengkhususan tersebut ?

- A Pengkhususan antarabangsa
- B Pengkhususan mengikut proses
- C Pengkhususan mengikut kawasan
- D Pengkhususan mengikut profesion

7. Antara berikut yang manakah merangkumi aktiviti perniagaan dan bantuan perniagaan?

- A Menjual lemang ditepi jalan
- B Menjual air tebu di pasar malam
- C Berjual beli secara borong di pasar
- D Menjual aiskrim dari rumah ke rumah



8. Berdasarkan rajah di atas X ialah

- A Entrepot
- B Cukai kastam
- C Perniagaan runcit
- D Perniagaan borong

SULIT

Kedua-dua bantuan perniagaan ini mempunyai fungsi yang tersendiri. Satu menyampaikan maklumat dan satu lagi menyampaikan barang.

9. Pernyataan di atas menerangkan perbezaan antara dua jenis bantuan perniagaan iaitu:

- A Bank dan Komunikasi
- B Komunikasi dan Insurans
- C Pergudangan dan Komunikasi
- D Komunikasi dan Pengangkutan

- Aktiviti yang melibatkan pengagihan barang
- Merupakan satu cabang pengeluaran
- Daripada pengeluar kepada pengguna akhir

10. Maklumat di atas merujuk kepada

- A Perniagaan
- B Pengeluaran
- C Perdagangan
- D Pengkhususan

11. Antara yang berikut, manakah faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan untuk memulakan sesuatu perniagaan ?

- I Keperluan modal
- II Sokongan daripada kerajaan
- III Kemahiran dalam bidang yang dipilih
- IV Jenis barang atau perkhidmatan yang hendak diniagakan

- A I dan III
- B II dan III
- C I, II dan III
- D I, III dan IV

12. Pengagihan, pemindahan dan pertukaran hak milik barang dan perkhidmatan daripada pengeluar asal kepada pengguna akhir mesti tepat pada

- A Tempat, masa dan harga berpatutan
- B Kuantiti, bentuk dan harga berpatutan
- C Pemilik, bentuk dan masa yang sesuai
- D Tempat, bentuk dan pemilik yang memerlukan

[Lihat sebelah
SULIT

SULIT

- Peralatan Elektrik
- Perabot
- Barang tahan lama

13. Saluran agihan manakah yang sesuai mengagihkan barang-barang di atas?

- A Pengeluar → pengguna
- B Pengeluar → ejen → pengguna
- C Pengeluar → ejen → peruncit → pengguna
- D Pengeluar → pemborong → peruncit → pengguna

14. Apakah faktor utama yang perlu dipertimbangkan oleh pengeluar semasa memilih saluran agihan?

- A Jenis barang
- B Harga barang
- C Kualiti barang
- D Kegunaan barang

15. Berikut adalah ciri-ciri peruncit besar-besaran kecuali

- A Memecahkan pukal
- B Membeli secara tunai daripada pengeluar
- C Menggaji pakar untuk mengurus perniagaan
- D Memberi khidmat lepas jualan kepada pelanggan

16. Antara berikut, manakah yang merupakan ciri-ciri koperasi runcit ?

- I Pengurusan dijalankan oleh lembaga pengarah
- II Barang jualan diperolehi terus daripada pengeluar
- III Ditubuhkan mengikut peruntukkan Akta Syarikat Berhad
- IV Modal dikumpulkan melalui jualan syer kepada ahli-ahlinya

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

[Lihat sebelah
SULIT

SULIT

17. Salah satu kelebihan menjalankan perniagaan runcit secara kecil-kecilan ialah

- A wujud peluang untuk berkembang
- B kerugian dapat dielakkan oleh pemilik
- C jumlah keuntungan yang sentiasa tinggi
- D dapat mendirikan perniagaan berdekatan dengan rumah pelanggan

- tidak mempunyai gudang
- tidak memiliki barang dagangan
- menghantar pesanan daripada pelanggan kepada penyalur

18. Pernyataan di atas adalah berkaitan dengan

- A Pemborong am
- B Pemborong jobber para
- C Pemborong pesanan berwakil
- D Pemborong perkhidmatan awam

19. Pemborong berfungsi sebagai pemodal kepada pengeluar dengan cara

- A Membeli barang secara tunai
- B Membeli barang secara pukal
- C Memberi kredit kepada pengeluar
- D Menyediakan kemudahan pergudangan

20. Sekiranya fungsi pemborong diambil alih, peruncit perlu menjalankan langkah langkah di bawah kecuali

- A Mengupah ejen untuk membeli daripada pengeluar
- B Menyediakan gudang sendiri untuk menyimpan barang
- C Membeli daripada banyak ejen untuk mendapatkan pelbagai jenis stok
- D Menanggung kos pengangkutan untuk membawa barang ke gudangnya sendiri

21. Apakah dokumen yang dikirimkan oleh penjual kepada pembeli untuk memaklumkan barang-barang yang telah dihantar?

- A Invois
- B Nota serahan
- C Nota kiriman
- D Nota makluman

[Lihat sebelah
SULIT

22. Apakah kaedah jualan yang memertukan wang pendahuluan ?

- A Jualan kredit
- B Jualan prabayar
- C Jualan konsatman
- D Jualan pendahuluan

23. Apakah kesan kepada pengguna sekiranya tiada aktiviti perniagaan antarabangsa?

- A keperluan pengguna akan dikurangkan
- B mutu barang tempatan akan meningkat
- C pengguna mempunyai pilihan barang yang terhad
- D harga barang tempatan akan dikurangkan kerana tiada persaingan

24. Import terdiri daripada import nyata dan import tak nyata. Antara berikut manakah pernyataan yang benar mengenai import tak nyata ?

- A Menerima pelancong dari Brazil
- B Membeli jam tangan dari Jepun
- C Membawa masuk pembantu rumah dari Indonesia
- D Menyediakan perkhidmatan perkapalan kepada pengimport Jepun

25. Manakah antara berikut merupakan eksport tidak nyata bagi Malaysia ?

- A Menjual komputer dari Cina
- B Mengeksport kereta waja ke Turki
- C Membawa jumlah bolasepak ke Portugal
- D Pelancong dari Kemboja datang ke Malaysia

- Ejen eksport
- Saudagar import
- Ejen eksport

26. Perkara di atas pada amnya berkaitan dengan

- I Saluran import
- II Saluran eksport
- III Tatabara pengimport
- IV Tatabara pengeksport
- A I dan II
- B I dan III
- C I dan IV
- D III dan IV

SULIT


27. Dokumen-dokumen berikut digunakan dalam perniagaan antarabangsa.

- I Inden
- II Nota debit
- III Nota perkapalan
- IV Notis pemberitahu dahulu

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D I, II, III dan IV

28. Berikut adalah maklumat yang berkaitan dengan Industri Kecil dan Sederhana (IKS), Kecuali ,

- A Menghubung jalin dengan industri berat
- B Diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965
- C Jualan tahunannya kurang daripada RM 26 juta
- D Mempunyai pekerja sepenuh masa kurang daripada 150 orang

- 
- Maju Furniture Sdn. Bhd.
 - Pernas Edar
 - Besta Distributors Sdn. Bhd.

29. Nyatakan konsep pemasaran yang digunakan oleh ketiga-tiga agensi di atas dalam usaha memasarkan produk IKS mereka.

- A Konsep payung
- B Konsep diskaun
- C Konsep untung bersama
- D Konsep kerjasama vendor

30. Mengapakah firma Industri Kecil dan Sederhana (IKS) mudah diuruskan berbanding Firma yang besar?

- A pekerja IKS mempunyai kemahiran yang tinggi
- B kerana diasaskan oleh keluarga dan berbentuk milikan tunggal
- C operasi pengeluaran IKS berhampiran dengan rumah pengusaha
- D firma IKS menggunakan sistem pengurusan moden seperti firma besar

**[Lihat sebelah
SULIT**

SULIT

31. Apakah yang dimaksudkan dengan “ Sendirian “ yang terdapat pada syarikat Sendirian Berhad ?
- A dimiliki oleh ahli keluarga terdekat
 - B syernya tidak dijual kepada orang ramai
 - C perniagaan ini ditadbir oleh seorang pengurus sahaja
 - D kadar cukai yang dikenakan berdasarkan kadar cukai pendapatan Perseorangan
32. Antara yang berikut, manakah bukan faedah menjadi ahli koperasi runcit ?
- A berhak menerima faedah atas modal
 - B berhak menerima dividen langganan
 - C dapat menjual syer pada harga yang lebih tinggi
 - D berhak membeli barangan pada harga yang istimewa
33. Antara berikut, yang manakah tidak benar tentang rakan kongsi dalam perkongsian.
- A Rakan lelap – hanya menyumbangkan modal
 - B Rakan nominal - tidak terlibat dengan pengurusan
 - C Rakan biasa – mempunyai tanggungan yang terhad
 - D Rakan aktif – terlibat dalam pengurusan secara langsung

34. Kebaikan-kebaikan perkongsian ialah :

- I menanggung liabiliti berhad
 - II risiko perniagaan boleh disebarkan dikalangan pekongsi
 - III menanggung kadar cukai perseorangan yang rendah
 - IV dapat menggabungkan kepakaran pekongsi untuk menjayakan perkongsian
- A I,II dan III
 - B I,II dan IV
 - C II,III dan IV
 - D I,II ,III dan IV

*Memberikan perkhidmatan asas kepada orang ramai
* Bertanggungjawab kepada seorang menteri di Parlimen

35. Berdasarkan maklumat di atas, apakah badan organisasi tersebut .

- A Perbadanan Awam
- B Syarikat Awam Berhad
- C Syarikat Koperasi Berhad
- D Syarikat Sendirian Berhad

[Lihat sebelah
SULIT

SULIT

36. Berikut adalah benar mengenai penswastaaan kecuali

- A penswastaaan mengurangkan beban kerajaan
- B penswastaaan dapat mewujudkan ramai jutawan
- C penswastaaan menggalakkan pertumbuhan ekonomi
- D penswastaaan meningkatkan kecekapan dan produktiviti

**SEBAHAGIAN DARIPADA KEUNTUNGAN
SYARIKAT BERHAD DISIMPAN SEBAGAI
RIZAB**

37. Berdasarkan pernyataan di atas, apakah kegunaan rizab?

- A untuk membayar cukai syarikat
- B untuk membayar ganjaran pengarah
- C untuk memberi pinjaman kepada pihak pengurusan
- D untuk memperkembangkan operasi perniagaan pada masa hadapan

- bersifat rasional
 - mencari keuntungan berdasarkan risiko yang dapat ditaksirkan
 - mengambil risiko berdasarkan kemampuan kewangan sendiri

38. Ciri-ciri di atas dimiliki oleh

- A Broker saham
- B Pelabur
- C Spekulator
- D Remisier

39. Mengapakah pelaburan yang berisiko tinggi juga cenderung untuk memberi pulangan yang menguntungkan ?

- A kerana jumlah modal yang digunakan juga tinggi
- B kerana keuntungan modal dalam pelaburan berisiko tinggi adalah tinggi
- C kerana jumlah pendapatan semasa dalam pelaburan berisiko tinggi adalah tinggi
- D kerana pulangan yang menguntungkan adalah ganjaran untuk pelabur yang berani menanggung risiko

**[Lihat sebelah
SULIT**

SULIT

40. Antara berikut yang manakah merupakan pelaburan berisiko rendah ?

- I Harta tanah
- II Amanah saham
- III Akaun simpanan biasa
- IV Akaun simpanan tetap

- A I dan III
- B II dan III
- C I dan IV
- D III dan IV

KERTAS SOALAN TAMAT